

07/01/2003

Prestasi agensi awam sentiasa dibaiki

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan prestasi dan kecekapan agensinya, termasuk di pejabat tanah yang menerima rungutan ramai pihak.

Perdana Menteri berkata, Institut Tadbir Awam Negara (Intan) dan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) akan mengkaji setiap masalah yang dikesan di pelbagai agensi kerajaan.

"Kita selalu meningkatkan prestasi dan kecekapan sepanjang masa. Kalau kita nampak ada mana-mana tempat yang perlu diberi perhatian, EPU dan yang lain akan mempertingkat dan memberi penekanan terhadap sebarang kelemahan.

"Seperti saya kata, pengurusan Jabatan Tanah nampak kurang memuaskan. Jadi apabila ada rungutan, Intan akan kaji, akan mempertingkatkan keupayaan," katanya pada sidang akhbar selepas majlis perdana keempat Perkhidmatan Awam dan majlis perasmian Pusat Teknologi Pengurusan Intan (Imatec) di Bukit Kiara, semalam.

Pada majlis itu, beliau turut mengadakan dialog tertutup dengan pegawai dan kakitangan awam serta sidang video dengan Presiden Kajian Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (Jica), Takao Kawakami dari Tokyo.

Baru-baru ini, Berita Harian dalam laporan khasnya mendedahkan mengenai kerenah birokrasi dalam pentadbiran dan urusan pejabat tanah sehingga ada permohonan yang dikemukakan 50 tahun lalu, belum diselesaikan.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata beliau melihat perubahan besar dari segi kualiti perkhidmatan awam setelah 21 tahun menerajui pemerintahan negara.

"Saya tidak pernah berpuas hati dengan apa-apa. Bagaimanapun saya agak berpuas hati dengan standard mereka, kemajuan dan kualiti. Kalau tidak Malaysia tidak akan jadi maju macam ni," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, kerenah birokrasi dalam pentadbiran awam di negara ini tidak seburuk di sesetengah negara termasuk Britain.

"Saya ingat kerenah birokrasi ini memang ada di mana-mana saja. Saya anggap di Malaysia ini, walaupun ada tapi tidaklah seburuk seperti di sesetengah negara lain.

"Saya tahu di England umpamanya, untuk mendapat kelulusan nak perbaiki rumah memakan masa dua tahun dan nak dapat kelulusan, nak buat sesuatu projek memakan masa sehingga 13 tahun," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata amalan rasuah tidak dapat diterima masyarakat Malaysia walaupun ia masih terkawal.

"Kita tidak mempunyai pentadbir dan kakitangan awam yang mengamalkan rasuah, dan adalah penting budaya ini terus kekal bersama kita," katanya.

Beliau juga berkata, Malaysia tidak lagi dilihat sebagai negara membangun dan masyarakat antarabangsa sudah mengiktiraf Malaysia sebagai negara maju.